

**Ismail Nafi Dakwaan Kononnya KPF Akan Disenarai Di Bursa Malaysia
Bernama
24 Mac, 2012**

KUALA SELANGOR, 24 Mac (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menafikan dakwaan sesetengah pihak kononnya kerajaan akan menyenaraikan Koperasi Permodalan Felda Bhd (KPF) di Bursa Malaysia.

Beliau berkata usaha penyenaian itu hanya melibatkan Felda Global Ventures Holdings (PGVH) di mana KPF mempunyai kepentingan dalam syarikat itu.

"Koperasi tidak boleh disenaraikan sebagai sebuah syarikat," katanya kepada Bernama selepas merasmikan Program Kemasyarakatan Koperasi Bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) di kawasan Felda Bukit Cerakah di sini, hari ini.

Beliau menasihati peneroka Felda jangan mudah terpedaya dengan dakyah golongan tertentu yang cuba menggagalkan usaha kerajaan menyenaraikan PGVH di Bursa Saham dengan mendakwa tanah milik peneroka akan dirampas kerajaan sekiranya penyenaian itu dilakukan.

"Ini tidak benar sebab kerajaan cakap tanah peneroka tidak akan terlibat dalam usaha penyenaian. Tanah tetap dimiliki peneroka Felda dan (mereka) akan mendapat segala bentuk kebaikan dan 'durian runtuh' dengan penyenaian ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata beliau akan mengenal pasti kawasan sesuai di sekitar Kuala Selangor untuk ditubuhkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang menawarkan produk keperluan harian tanpa jenama dengan potongan harga 30 hingga 40 peratus lebih murah berbanding barangan berjenama setanding kualitinya.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata gerakan koperasi kini bukan hanya menjadi sebuah gerakan sosial malah turut diiktiraf oleh kerajaan sebagai sektor ketiga dalam pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta.

Katanya kerajaan telah mensasarkan peningkatan jumlah perolehan gerakan koperasi sebanyak enam peratus setahun kepada RM24 bilion tahun ini.

Mengulas program itu, Ismail Sabri berkata ia adalah satu program kemasyarakatan yang julung kali dianjurkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bersama beberapa koperasi dan GLC seperti Kumpulan Maybank, Permodalan Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.

Katanya program itu secara tidak langsung menyatukan badan kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan syarikat GLC untuk turun padang bertemu dan menghulurkan bantuan kepada golongan memerlukan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654598>